



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PENYERAHAN BENIH PADI IS21 KEPADA KOMUNITI
DI ENDAU, JOHOR

ENDAU, 9 MAC 2022 –YAB Perdana Menteri, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob hari ini menyempurnakan Majlis Penyerahan Benih Padi IS21 kepada Komuniti di Endau, Johor melibatkan 500 guni benih padi IS21 seberat 20kg setiap satu.

Benih padi IS21 dihasilkan oleh Agensi Nuklear Malaysia iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ini telah dijana melalui teknologi nuklear.

Untuk rekod, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Benih Padi IS21 di Sekinchan, Selangor pada 20 November 2021. Sejak pelancaran, MOSTI telah menerima maklum balas daripada para pesawah dan petani yang mendapati hasil tuaian adalah lebih tinggi mengambil kira faktor benih yang tahan dengan cuaca ekstrem dan mempunyai rintang terhadap beberapa penyakit padi. Selain itu, para pesawah dan petani juga dapat menjimatkan kos pengurusan sawah memandangkan penanaman padi jenis ini tidak memerlukan penggunaan baja yang banyak.

YAB Dato’ Sri Ismail Sabri berkata, “Peluasan penggunaan benih padi IS21 di Endau diharap dapat memberi manfaat kepada para pesawah dan petani kerana penghasilan padi daripada varieti IS21 ini mampu meningkatkan pendapatan dan seterusnya taraf hidup rakyat”.

Tambah beliau, golongan belia dan anak muda juga diharap dapat menyemai minat dan menceburi pertanian moden, “Jika diletakkan sepenuhnya minat untuk berbakti

kepada tanah, pertanian moden mampu meningkatkan taraf hidup, meningkatkan sumber pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan.”

Menurut YAB Perdana Menteri lagi, “Tumpuan perlu diberikan kepada golongan belia ke arah memodenkan sektor pertanian yang digabungkan dengan elemen keusahawanan bagi melahirkan lebih ramai *agropreneur* muda yang mahir dan arif dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi dan inovasi dalam industri pertanian. Dalam hal ini, MOSTI juga dapat membantu memperkenalkan pelbagai teknologi dan inovasi yang mampu merancakkan lagi sektor pertanian khususnya di kalangan golongan belia.”

Sementara itu, Menteri MOSTI, YB Dato’ Sri Dr. Adham Baba berkata, “Selain daripada penggunaan teknologi nuklear dalam bidang pertanian, agensi penyelidikan yang lain di bawah MOSTI turut memainkan peranan penting dalam bidang pertanian. Penyelidikan berkaitan bioteknologi oleh Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) mampu menghasilkan persekitaran optimum untuk hasil tanaman yang baik”.

Tambahnya, “Penggunaan *remote sensing* di bawah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) juga telah membantu dari segi pemantauan pengurusan di jelapang padi melalui pembangunan Sistem Maklumat Geospasial Tanaman Padi (MakGeoPadi)”.

Hasil inisiatif MOSTI dan agensi-agensinya sebagai sebuah keluarga diyakini dapat membantu golongan petani dan pesawah di negara ini.

TAMAT

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI